SULIT
3755/2
PERDAGANGAN
KERTAS 2
OKTOBER
2004
2 JAM

3755/2

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**
**CAWANGAN TERENGGANU**
DENGAN KERJASAMA
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004**

**TINGKATAN EMPAT**

# PERDAGANGAN

## KERTAS 2

**Dua jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*Arahan*

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B*
2. *Bahagian A mengandungi lima soalan. Anda dikehendaki menjawab tiga soalan sahaja.*
3. *Bahagian B mengandungi satu sahaja soalan kes. Anda diwajibkan menjawab soalan tersebut*

**Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak**

## BAHAGIAN A

*Jawab mana-mana* **tiga** *soalan*

1 (a) Apakah maksud keperluan fisiologi dalam Hierarki Keperluan Maslow? [5 markah]

(b) Syarikat Cemerlang ialah sebuah syarikat baru yang mengeluar dan mengedarkan hasil-hasil laut di Marang.

Terangkan bagaimana bank, pengangkutan, komunikasi dan promosi dapat membantu menjayakan perniagaan tersebut. [20 markah]

2 (a) Perniagaan runcit kecil-kecilan mempunyai beberapa ciri yang tidak terdapat pada perniagaan runcit besar-besaran.

Jelaskan ciri-ciri tersebut. [12 markah]

(b) Apakah kedai sejaras? [5 markah]

(c) Nyatakan perbezaan antara sewa beli dengan bayaran tertunda. [8 markah]

3 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan antarabangsa dan nyatakan dokumen-dokumen pengangkutan yang digunakan? [5 markah]

(b) Berikan kepentingan Bil Muatan. [6 markah]

(c) Huraikan kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengguna dan negara. [14 markah]

4 (a) Harga saham sentiasa mengalami turun dan naik bergantung kepada beberapa faktor.

Jelaskan faktor-faktor tersebut. [10 markah]

(b) Ketika ini, terdapat banyak koperasi ditubuhkan di seluruh negara. Ini disebabkan koperasi mempunyai kelebihan-kelebihan yang tesendiri berbanding milikan perniagaan yang lain.

Terangkan kelebihan-kelebihan tersebut. [10 markah]

(c) Nyatakan aspek-aspek pengurusan yang terdapat dalam pengendalian perniagaan. [5 markah]

5 Tuliskan nota ringkas tentang perkara-perkara berikut:

(a) Industri ekstraktif. [5 markah]

(b) Pemborong Jober para. [6 markah]

(c) Jualan tunai. [4 markah]

(d) Kelebihan milikan tunggal [5 markah]

(e) Harta tanah [5 markah]

## BAHAGIAN B

6 *Baca dengan teliti kes di bawah.*

Muhammad Muttaqin berhajat menjadi seorang usahawan yang berjaya dan disegani. Beliau berjaya mengajak beberapa orang kawan untuk menubuhkan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Maju Jaya dengan modal permulaan sebanyak RM250,000. Sebagai sebuah syarikat yang kecil, beliau menghadapi banyak masalah terutama sekali masalah kekurangan modal, kesusahan untuk mendapat pinjaman dari bank, serta masalah kekurangan pengalaman dan pengetahuan di dalam dunia perindustrian.

Namun begitu, dengan kegigihan dan semangat, syarikatnya berjaya mendirikan sebuah bengkel besi yang mengeluarkan skru dan nat untuk kegunaan industri. Bilangan pekerjanya hanya seramai 15 orang dan beliau menghadapi masalah untuk memasarkan skru dan nat yang dikeluarkan. Dalam operasi pada tahun pertama, jualan syarikatnya hanya berjumlah RM500,000 dan mengalami kerugian sebanyak RM39,999.

Baru-baru ini, syarikatnya dilantik oleh Syarikat Proton untuk membekalkan skru dan nat sebagai alat ganti untuk memenuhi keperluan kereta Gen 2. Syarikatnya diberi kontrak untuk membekalkan skru dan nat menurut spesifikasi yang ditetapkan oleh Proton. Syarikatnya juga diberi bantuan kewangan dan teknikal oleh Proton.

Muhammad Muttaqin berasa syukur kerana dengan kontrak yang diberi oleh Proton, kedudukan perniagaannya kian pulih dan pada tahun 2003, syarikatnya berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM499,999.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan berikut:

(a) Bolehkah Syarikat Maju Jaya dianggap sebagai IKS? Mengapa? [5 markah]

(b) Huraikan beberapa masalah yang dihadapi oleh Syarikat Maju Jaya sebelum diberi subkontrak oleh Syarikat Proton. [12 markah]

(c) Jelaskan hubungjalin antara Syarikat Maju Jaya dan Syarikat Proton.

Apakah kebaikan hubungan ini kepada Syarikat Maju Jaya? [8 markah]